



Senyuman juara

PEMAIN UPM Firewolf mempamerkan trofi dan piala iringan dimenangi.

■ UPM Firewolf juarai Pesta Bola Jaring Antarabangsa USM

Pesta Bola Jaring Antarabangsa Universiti Sains Malaysia (USM) edisi ke-25 di Azman Hashim USM Sports Arena di kampus induk, Minden, di sini, kelmarin.

Pasukan UPM mengene-pikan saingan terdekatnya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) selepas menca-tatkan kemenangan 18-5 pada aksi final yang turut disaksikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USM Prof Datuk

Dr Adnan Hussein.

Kemenangan itu membolehkan pemain UPM Firewolf menerima piala pusingan, wang tunai RM2,000, piala iringan, pingat serta barangan penaja Nestle Products Sdn Bhd selain pemainnya, Norashikin Kamal Zaman, 22, dipilih pemain terbaik untuk mene-

rima piala iringan.

MBPJ selaku naib juara menerima RM1,000, piala iringan dan barangan Nestle selain hadiah fair play.

Tempat ketiga dikongsi NSD dari Pulau Pinang dan USM Kubang Krian dengan masing-masing menerima RM500.

Sementara itu, aksi ber-

tenaga dan konsisten menjadi ramuan terbaik buat Cobra dari Kuala Lumpur apabila muncul juara kategori lelaki dengan mengene-pikan Coaster dari Terengganu dengan kemenangan tipis 9-4.

Pemain pasukan itu menerima piala pusingan, RM2,000, piala iringan, pingat dan barangan penaja selain pemainnya, Tamim Amzat Dasthagir, 23, dipilih pemain terbaik.



AKSI SETEMPAT

Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini. Gambar serta keterangan ringkas boleh dihantar ke sukan@hmetro.com.my

Oleh Syed Ismail Syed Abu Bakar

sukan@hmetro.com.my
Georgetown

Universiti Putra Malaysia (UPM) Firewolf dinobatkan juara kategori wanita terbuka

FAKTA
UPM Firewolf terima piala pusingan, wang tunai RM2,000, piala iringan, pingat